



**TEKS UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* (EODB)**

Sempena: **Bengkel *Ease of Doing Business*, Negara Brunei Darussalam**  
Bertempat: **Cesar Grand Hall, Level 8, Orchid Garden Hotel, Brunei Darussalam**  
Pada: **Hari Selasa, 17 Rabiulawal 1434, 29 Januari 2013**

---

**Bismillahir Rahmaanir Rahim**

Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Setiausaha Kedua kepada Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business*;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan; Para Jemputan; Hadirin hadirat yang peramba / saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Keluarga serta sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Bengkel *Ease of Doing Business* pada pagi ini.

Pada kesempatan ini saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada hadirin sekalian khususnya kepada pengusaha dan peniaga tempatan, penyumbang maklumat kajian *Ease of Doing Business*, serta penyampai taklimat, di atas keluangan masa yang diberikan bagi menyampai, membincangkan dan berdialog bersama bagi menempah jalan ke arah penubuhan persekitaran yang lebih mudah dan kondusif bagi penubuhan dan operasi bisnes di Negara ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya sukacita ingin mengongsikan bahawa beberapa Kumpulan Champion atau Champion Groups yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* yang diketuai oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dari beberapa kementerian sedang giat merancang, menyusun dan melaksanakan reformasi-reformasi dan pembaikan ke atas proses-proses dalaman masing-masing. Pembaikan-pembaikan berkenaan yang bukan saja menjurus secara langsung kepada petunjuk-petunjuk *Doing Business* tetapi juga meliputi mana-mana proses, dasar dan perundangan yang mempunyai kaitan dalam menjana iklim perniagaan yang lebih kondusif dan memudahcara proses memulakan dan menjalankan bisnes di Negara ini. Di antara pembaikan-pembaikan yang telah dilaksanakan berkenaan termasuklah tatacara memulakan bisnes, proses mendapatkan permit pembinaan, mendapatkan bekalan elektrik dan proses pembayaran cukai.

Peningkatan sebanyak empat kedudukan dalam Laporan *Ease of Doing Business* bagi tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya adalah salah satu bukti dan hasil daripada usaha-usaha pembaikan yang telah dilaksanakan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* memahami bahawa pembaikan dan reformasi yang telah dilaksanakan berkenaan belum memadai dan belum mencapai tahap sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga sepertimana yang telah dirancang sendiri oleh Jawatankuasa. Ia memerlukan usaha yang lebih giat, fokus dan berterusan.

Adalah disedari bahawa sebarang reformasi dan pembaikan proses dan persekitaran bisnes yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan juga tidak akan memberi sebarang makna sekiranya tidak dapat dimanfaatkan oleh komuniti bisnes di Negara ini. Kegagalan memahami dan meraih kemanfaatan reformasi dan pembaikan proses-proses kerajaan berkenaan tentunya juga akan mengakibatkan pembaikan-pembaikan berkenaan tidak dilaporkan ke pihak Bank Dunia dan menyebabkan peluang untuk membaiki kedudukan Negara dalam laporan Doing Business yang akan datang akan terjejas.

Walaupun pada umumnya peningkatan kedudukan dalam laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia bukanlah "ultimate target" Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business*, tetapi kita perlu memahami bahawa laporan kedudukan yang lemah, yang diberitakan di arena antarabangsa juga boleh menjejaskan peluang bagi Negara Brunei Darussalam dipertimbangkan sebagai Negara destinasi pelaburan di kalangan pelabur-pelabur asing.

Maka Bengkel pada hari ini adalah salah satu inisiatif Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* bagi memberitakan dan memaklumkan pembaikan dan reformasi yang terkini serta bagi menyediakan satu platform bagi mengadakan sesi dialog di antara pihak kerajaan dengan komuniti bisnes, bagi mendapatkan jalan ke hadapan atau "way forward" ke arah menjana iklim perniagaan dan pelaburan yang terbaik bagi perusahaan kecil dan serdahana dan komuniti bisnes di Negara ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya berharap agar semua pihak yang hadir akan lebih maklum mengenai perubahan dan pembaikan yang telah dilaksanakan di samping dapat menyumbang pandangan dan usulan yang membina dan boleh digunapakai dalam memeta langkah-langkah pembaikan seterusnya.

Pada hemat saya, kolaborasi seperti ini akan menjadi salah satu laluan untuk memastikan bahawa reformasi dan pembaikan yang bakal dilaksanakan nanti akan lebih payu dan efektif, kerana saya yakin bahawa "ownership" tanggungjawab pembaikan persekitaran bisnes dalam sesebuah Negara bukan semata-mata terletak di bahu kerajaan tetapi ianya juga perlu komitmen semua pihak termasuk komuniti bisnes sendiri, siapa yang juga perlu memperjuangkan kepentingan masing-masing.

Pada kesempatan ini juga saya juga ingin menekankan bahawa kajian *Ease of Doing Business* hanya satu alat dalam mengenalpasti gambaran iklim perniagaan secara am. Pihak-pihak berkenaan khususnya Champion Groups Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* hendaklah lebih komited dan agresif untuk mendalami dan membetulkan isu-isu yang tersirat yang dibayangkan melalui kedudukan petunjuk-petunjuk Doing Business seperti yang dilaporkan oleh Bank Dunia berkenaan.

Reformasi-reformasi dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan bukan hanya semata-mata untuk mengejar kedudukan yang lebih tinggi tetapi juga adalah untuk memudahkan perjalanan usahawan menuju kejayaan, serta untuk menyumbang ke arah pencapaian strategi-strategi dan matlamat utama yang terkandung di dalam Wawasan 2035.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sukacita sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur, penyampai-penyampai taklimat dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Bengkel ini.

Saya juga berharap ianya akan dapat dilaksanakan secara berterusan di masa-masa akan datang dengan meliputi agenda-agenda dan reformasi yang lain.

**Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**